

**JAWAPAN PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS
SEMPENA MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14**

.....

**YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH, DIMP., AMP.
- ADN KAWASAN SUNGAI LEMBING**

PERTANYAAN 1.

Kesan terhadap ekonomi terutama dari sektor pelancongan terjejas akibat pandemik COVID-19, apakah tindakan pihak kerajaan negeri di dalam jangka masa yang pendek dan jangka masa yang panjang untuk memulihkan ekonomi di negeri Pahang secara amnya.

**JAWAPAN DARIPADA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
(BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI)**

Penularan wabak COVID-19 telah mengakibatkan kehilangan perbelanjaan secara purata sebanyak RM1.28 bilion setiap bulan. Bagi sektor perhotelan telah mengalami kerugian kira-kira RM500 juta berikutan penularan wabak ini sehingga akhir April lalu.

Untuk jangka pendek, Kerajaan Negeri Pahang telah melancarkan T-VAC (Tourism Virtual Advisory Clinic) bersama-sama Majlis Produktiviti Malaysia (MPC) yang bertujuan menguatkan keupayaan perniagaan termasuklah sektor pelancongan dengan memberi nasihat tentang perkara-perkara yang boleh dilaksanakan bagi menangani dan mengatasi masalah yang dihadapi terutamanya dalam tempoh penularan wabak pandemik COVID-19.

Bagi perancangan jangka panjang pulak, kerajaan negeri merancang untuk bekerjasama dengan negeri-negeri jiran yang bersempadan seperti Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan serta negeri-negeri Wilayah Pantai Timur (Terengganu dan Kelantan) dalam memasarkan pakej menarik inter-negeri.

Kerajaan negeri melalui Tourism Pahang dan Tourism Malaysia telah mempromosikan semula negeri Pahang bagi menarik pelancong domestik melalui platform digital dan media cetak. Manakala, video promosi pelancongan dan pakej-pakej pelancongan istimewa akan dimuat naik di sosial media dan laman web Tourism Pahang dan Tourism Malaysia bagi memudahkan pengunjung mendapatkan maklumat dan pakej terkini sektor pelancongan negeri Pahang.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT KEMENTERIAN PELANCONGAN MALAYSIA NEGERI PAHANG

Bagi Kerajaan Persekutuan, skim pembiayaan pelancongan penjana bernilai RM1 bilion untuk membiayai inisiatif transformasi oleh PKS dalam sektor pelancongan agar terus berdaya saing dalam era kebiasaan baharu.

Beberapa langkah cukai juga akan dilaksanakan antaranya ialah:

- a) Perniagaan di bawah industri pelancongan seperti agensi pelancongan. Pengusaha hotel dan syarikat penerbangan yang telah diberikan penangguhan bayaran ansuran ke atas anggaran cukai yang kena dibayar bagi tempoh 1 April 2020 hingga 30 September 2020 akan dilanjutkan tempoh penangguhan selama 3 bulan lagi mula 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020.
- b) Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mula 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021.
- c) Pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang disediakan oleh pengendali premis penginapan dilanjutkan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.
- d) Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000.00 yang telah diberikan ke atas, perbelanjaan melancong dalam negara dilanjutkan sehingga 1 Disember 2021.

Seterusnya, kerajaan negeri juga akan terus bersama Tourism Malaysia di dalam program-program promosi mereka.

JAWAPAN DARIPADA TOURISM MALAYSIA WILAYAH TIMUR

Penularan wabak COVID-19 yang bermula sejak bulan Januari 2020 telah menyebabkan kerajaan mengambil langkah untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP yang berkuat kuasa pada 18 Mac 2020. Berikutan pengisytiharan PKP serta keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 Mac 2020, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah mengumumkan pembatalan Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 serta-merta. Ini telah memberi kesan yang amat buruk ke atas industri pelancongan negara dan menjejaskan banyak perniagaan dalam sektor-sektor berkaitan seperti penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman, dan penganjuran acara-acara perniagaan atau *MICE-Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*. Sehingga Jun 2020, kementerian menganggarkan kerugian sebanyak RM45 bilion bagi sektor-sektor ini.

Berdasarkan statistik kementerian, bagi tempoh Januari hingga Mac 2020, perbelanjaan pelancong antarabangsa merekodkan penurunan sebanyak 41.5% daripada RM21.4 bilion pada 2019 kepada RM12.5 bilion. Kementerian juga mengunjurkan kerugian melebihi RM30 bilion untuk pelancongan antarabangsa sahaja bagi tempoh Januari hingga Jun 2020. Manakala bagi pelancongan domestik pula, kementerian menganggarkan kerugian melebihi RM13 bilion perbelanjaan pelancong domestik bagi tempoh yang sama. Justeru, hal ini telah menyebabkan sasaran Tahun Melawat Malaysia 2020 sebanyak 30 juta ketibaan pelancong asing dengan pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion tidak dapat dicapai. Sekiranya krisis ini berlanjutan kementerian menjangkakan penurunan sebanyak 75% bagi perbelanjaan pelancong antarabangsa serta hampir 30% bagi pelancong domestik bagi tahun 2020.

Bagi memulihkan industri pelancongan negara, kerajaan telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang merangkumi 5 (lima) strategi iaitu:

- (i) Memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui Kempen Malaysia Bersih dan Selamat;
- (ii) Merencanakan semula pelancongan domestik. Meskipun sempadan negara masih belum dibuka, kementerian yakin bahawa pelancongan domestik mampu menyumbang kepada fasa pemulihan ekonomi negara ini. Berdasarkan statistik pelancongan domestik 2019, seramai 84.7 juta ketibaan pelancong domestik dengan perbelanjaan sebanyak RM67.9 bilion telah direkodkan berbanding 78.2 juta pelancong domestik dan RM60.4 bilion perbelanjaan pada tahun 2019. Pertumbuhan sebanyak 8.3% dan 12.3% masing-masing ini jelas menunjukkan keupayaan pelancongan domestik dalam membantu merencanakan industri pelancongan negara sementara menunggu sempadan negara dibuka. Di samping itu, menerusi inisiatif Pakej Ransangan Ekonomi, kerajaan juga telah bersetuju memberi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000.00 bagi perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 bagi merencanakan lagi pelancongan domestik.
- (iii) Meneroka potensi ketibaan pelancong asing dari pasaran jarak dekat seperti ASEAN terutama melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* seperti mengadakan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran atau negara-negara zon hijau yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada perbincangan dua hala antara kedua-dua negara bagi memastikan protokol-protokol keselamatan dan kesihatan yang dipersetujui bersama dapat dilaksanakan dengan sistematik dan teratur;
- (iv) Memberi keutamaan kepada segmen yang telah dibenarkan oleh Kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema dan penganjuran *Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions* atau *MICE*; dan

- v) Memaksimumkan sumber sedia ada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi.

Bagi tempoh jangka masa panjang, kementerian akan terus komited melaksanakan pelancongan lestari serta meningkatkan pendapatan pelancongan menerusi kehadiran *quality tourists* atau *high yield tourists* yang berbelanja tinggi, melawat dan menetap lama di sesuatu destinasi pelancongan. Langkah ini adalah seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam semula jadi, seni budaya dan warisan.

PERTANYAAN 2.

Mengenai isu bauksit, bilakah waktunya pihak kerajaan negeri akan membenarkan perlombongan bauksit diteruskan di sekitar daerah Kuantan.

JAWAPAN DARIPADA PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN PAHANG

Pada 5 September 2015, kerajaan negeri secara dasarnya telah bersetuju untuk mengguna pakai dan menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Aktiviti Perlombongan dan Pengeksportan Bauksit Negeri Pahang. Bagi tujuan pengujian, hanya kawasan Gebeng akan dibenarkan untuk melaksanakan aktiviti perlombongan dan pengangkutan bauksit dengan tempoh percubaan enam (6) bulan.

Bermula pada 1 Jun 2020, tiga (3) pajakan lombong bauksit di kawasan Gebeng telah dibenarkan beroperasi. Ketiga-tiga pajakan lombong ini diberi tempoh percubaan selama enam (6) bulan bagi memastikan SOP yang dikuatkuasakan benar-benar berkesan dan aktiviti perlombongan dapat dilaksanakan secara lebih bertanggungjawab. Pematuhan kepada SOP ini akan dipantau oleh Jawatankuasa Pemantauan Aktiviti Perlombongan Negeri Pahang yang di pengurusan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Pahang (PTG Pahang) dan dianggotai oleh 14 agensi teknikal/penguatkuasa.

PERTANYAAN 3.

Pihak kerajaan negeri perlu tegas dalam menangani isu warga asing yang terlalu ramai berniaga di sekitar bandar Kuantan.

JAWAPAN DARIPADA JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA NEGERI PAHANG

Jumlah tangkapan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) bagi daerah Kuantan dari bulan Januari hingga Jun tahun 2020 adalah seramai 420 orang.

Pihak Imigresen akan menjalankan operasi penguatkuasaan PATI di negeri Pahang dari semasa ke semasa.